

1981

KUALA LUMPUR, 5 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI ADA TANDA-TANDA BAHAWA FILIPINA AKAN MENGAMBIL TINDAKAN MENGGUGURKAN TUNTUTANNYA TERHADAP SABAH.

+KITA BERHARAP TINDAKAN ITU AKAN DIAMBIL +KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA SOAL MALAYSIA MEMUTUSKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN FILIPINA KERANA TUNTUTANNYA TERHADAP SABAH SEPERTI YANG DISUARAKAN OLEH KETUA MENTERI SABAH DATUK HARRIS SALLEH TIDAK TIMBUL.

DATUK HARRIS BERKATA DI KOTA KINABALU KHAMIS LALU BAHAWA KERAJAAN NEGERI AKAN MEMINTA KERAJAAN PUSAT SUPAYA BERBUAT DEMIKIAN DAN IA JEMU DENGAN TUNTUTAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA TUDUHAN-TUDUHAN YANG DIBUAT OLEH SEORANG MENTERI FILIPINA MENGENAI MALAYSIA TIDAK MENCERMINKAN PANDANGAN RASMI KERAJAANNYA.

-- BERSAMBUNG 1630/SZ

MAHATHIR-TUNTUTAN 2 KUALA LUMPUR

+MALAH SAYA TELAH DIBERITAHU OLEH PRESIDEN MARCOS SENDIRI BARU-BARU INI BAHAWA KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH MENTERI ITU BUKAN MERUPAKAN PANDANGAN RASMI KERAJAAN FILIPINA, + KATANYA KATANYA LAPORAN MENGENAI TUDUHAN ITU ADALAH TIDAK BERASAS DAN DENGAN ITU SOAL MEMUTUSKAN HUBUNGAN TIDAK TIMBUL.

MENGENAI KEBUNTUAN RUNDINGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN KOREA SELATAN BAGI PERJANJIAN PERKHIDMATAN UDARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU BELUM LAGI MENERIMA LAPORAN MENGENAI KEADAAN SEBENARNYA.

KATANYA, PERBEZAAN INTERPRETASI MENGENAI HAK-HAK PENDARATAN MAS ANTARA KERAJAAN KOREA SELATAN DENGAN SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAANNYA +THE KOREAN AIRLINES+ ADALAH SATU PERKARA BARU YANG PERLU DIKAJI DENGAN TELITI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK BERSEDIA MENGUMUMKAN PANDANGAN RASMI KERAJAAN TENTANG PERKARA TERSEBUT SEHINGGA BELIAU MENERIMA LAPORAN PENOH DARI ROMBONGAN MALAYSIA KE RUNDINGAN TERSEBUT.

-- BERNAMA 1635/SZ